

# BENGKEL PENYELARASAN BELANJAWAN 2006 DAN 2007 UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Jabatan bendahari Universiti Malaysia Sabah telah menganjurkan Bengkel Penyelarasan Belanjawan 2006 dan 2007 Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 19 dan 20 Februari 2005 bertempat di Shangri-La's Rasa Ria Resort, Tuaran.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memastikan bahawa cadangan perbelanjaan UMS bagi tahun 2006 dan 2007 dapat disediakan mengikut keperluan dan jadual yang telah ditetapkan.

Disamping itu, bengkel ini juga telah memberi ruang kepada semua pusat tanggungjawab untuk membuat penambahbaikan penyediaan belanjawan masing-masing berbanding tahun-tahun sebelum ini dan membolehkan penetapan petunjuk *output* dan impak standard yang boleh digunakan semua PTJ mengikut gugusan dibuat. Gugusan-gugusan yang terlibat pada bengkel tersebut adalah Sains, Sastera, Institut Penyelidikan, Pentadbiran A dan Pentadbiran B.

Naib Canselor pertama UMS, Tan Sri Profesor Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman di dalam ucapan penutupannya kepada semua 33 ketua pusat tanggungjawab pada petang 20 Februari 2005 berharap agar setiap mereka akan lebih berhemah di dalam menguruskan perbelanjaan masing-masing bersesuaian dengan senario ekonomi dan strategi bajet semasa negara.

Oleh : Mohd. Edrus Othman



TEKUN... Peserta-peserta bengkel tekun mendengar taklimat.



SEBAGAI KENANGAN... Tan Sri Prof. Dr. Abu Hassan Othman (duduk tujuh dari kiri) dalam satu sesi bergambar bersama-sama para peserta bengkel.